


NOTIS SEBUTHARGA KERJA

NO SEBUTHARGA : JKRM(E)070/115/S108/2025

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SISTEM PEMASANGAN ELEKTRIK
DAN JANAKUASA TUNGGU SEDIA BAGI TAHUN 2026-2027 DI BANGUNAN WISMA NEGERI,
MITC, MELAKA**

- 1 Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)¹, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah dan berstatus **PATUH** atau PPK, STB dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau PPK, STB dan sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak)² dalam **Gred G1/G2/G3 Kategori ME Pengkhususan E04 & E11 & E32 (kontraktor bumiputera yang berdaftar di negeri Melaka sahaja) atau Kementerian Kewangan**.....³
- 2 Naskah-naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh di muat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan **melengkapkan pendaftaran akaun syarikat** dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara atas talian dengan harga **RM20.00** bermula pada **11 November 2025 sehingga 18 November 2025**. Berikut merupakan pautan sistem :
<http://stom.melaka.gov.my/>
- 3 Penyebutharga **WAJIB** mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate -TCC) yang merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bersama sama dokumen sebutharga semasa mengemukakan tawaran. TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas sebutharga. Penyebutharga yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus '**Tidak Patuh**' /TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai '**Gagal**' mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.
- 4 Borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik **tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, hari Selasa, 18 November 2025**.
- 5 Jika sebutharga dihantar dengan **menggunakan pos berdaftar/kurier**, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut **selamat tiba di CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK NEGERI MELAKA, JALAN TAMING SARI, 75400 MELAKA** sebelum atau pada tarikh tutup **sebutharga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari, hari Selasa, 18 November 2025**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.



WAN NORHIDA BINTI W IBRAHIM
Ketua Jurutera Elektrik Negeri
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
JKR Melaka.
Tarikh : 04/11/2025

¹ Keluarkan STB jika Sebutharga dibuka kepada Bukan Bumiputera.

² Nyatakan kelayakan kontraktor berdasarkan pengelasan PUKONSA atau UPKJ yang berkenaan.

³ Nyatakan bidang dan kod bidang yang berkenaan.